

# Koperasi kredit tingkatkan perniagaan

**KLANG 7 Mei** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mahu koperasi kredit di negara ini mempelbagaikan bidang perniagaan masing-masing dengan tumpuan terarah kepada sektor harta tanah dan kesihatan.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdul-lah (**gambar**) berkata, setakat ini koperasi kredit yang aktif dan menyumbang kepada kadar perolehan tahunan hanya 590 berbanding keseluruhan 13,428 buah koperasi.

"Kita mempunyai keahlian melebihi tujuh juta. Oleh itu, kita mahu setiap koperasi kredit yang ada mempelbagaikan kegiatan aktiviti bagi menambah pendapatan koperasi masing-masing.

"Pelbagai sektor yang boleh me-

reka ceburi antaranya sektor perkhidmatan kesihatan kerana Angkasa melihat bidang ini mampu membantu kerajaan menampung keperluan pada masa akan datang," katanya selepas majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbaguna Iman (Koiman), di sini malam tadi.

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, dengan mempelbagaikan aktiviti perniagaan, pihaknya yakin kadar perolehan koperasi tahun ini mampu mencatatkan peningkatan lebih 10 peratus.

"Tahun lalu, Angkasa memperoleh kadar perolehan sebanyak RM39.6 bilion, namun dengan kepelbagaian aktiviti perniagaan kita sebenarnya mampu mencatat pendapatan sehingga RM45 bilion," katanya.



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia